



PTS Media Group Sdn. Bhd. (173482-A)
pts.com.my

No. 12, Jalan DBP,
Dolomite Business Park,
68100 Batu Caves,
Selangor, MALAYSIA
Tel : +603-6188 0316
Faks : +603-6189 1316

KENYATAAN MEDIA BUKU BARU TERBIT

BUKU MARCO POLO: PENJELAJAHAN KE ASIA

Kini karya penulis novel sejarah yang terhebat, Al-Ghazali, meneruskan penulisannya dengan mengetengahkan seorang wira yang tidak diketahui umum, iaitu Marco Polo. Sehubungan dengan itu, PTS Publishing House dengan berbesar hati menerbitkan karya terbaru ini. Pengetahuan sejarah Asia turut penting dalam mendalami sejarah dunia. Ini antara naskhah yang harus dimiliki oleh peminat pembaca novel-novel sejarah.

Marco Polo seorang pengembara terhebat dunia menghembuskan nafas terakhir pada tahun 1324 ketika berusia 70 tahun. Beliau dikebumikan di Gereja San Lorenzo di Venice. Beliau bukan hanya meninggalkan dunia, tetapi turut membawa masuk rahsia-rahsia yang tidak diceritakan dalam catatan kembaranya ke timur sehingga ke dalam lubang kubur.

Inilah kisah pengembara paling agung yang pernah wujud sepanjang sejarah ketamadunan manusia yang asalnya hanya dicatatkan dalam catatan *The Travels Of Marco Polo*. Dahulunya ia sebuah catatan yang masyhur. Sebelum beliau menghembuskan nafas terakhir, beliau sempat mengungkapkan, **“Apa yang aku ceritakan itu tidak sampai separuh pun daripada perkara yang kulihat.”** Mungkinkah ada lagi rahsia yang masih tidak dirungkai?

Naskhah ini mengandungi 46 bab yang akan menyelusuri segenap kehidupan Marco Polo. Tambahan pula, banyak pengajaran dan elemen positif yang boleh diambil sebagai seorang pembaca mahupun kepada seorang pengembara. Dapatkan juga karya-karya Al-Ghazali yang lain seperti Talhah bin Ubaidillah, Zubair bin Awwam, Hayreddin Barnarossa, Syeikh Ahmad Yassin, Dracula, dan banyak lagi.

AMIRATUL AWATIF GHAZALI

Publicist

PTS Media Group Sdn. Bhd.

H/P: 016-661 1974

E-mel: awatif@pts.com.my